

29/06/1998

Tanggungjawab suci Umno

Sut

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-52 selesai minggu lalu. Beberapa isu sudahpun dibangkitkan. Pemimpin tertinggi pun sudah menjawab kemuskilan yang ditimbulkan. Rasanya, semua pihak berpuas hati. Daripada air muka beberapa perwakilan, kita dapat gambarkan kelegaan di wajah mereka. Mereka lega setelah mendengar ucapan penggulungan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjawab dan menjelaskan dengan panjang lebar segala rungutan, keluhan dan apa juga perkara yang ditimbulkan. Inilah semangat Umno. Meskipun mereka berbahas dan membuat teguran, mereka akur dengan penjelasan pemimpin.

Tahun depan apabila tiba waktunya mereka datang lagi ke Kuala Lumpur untuk menghadiri sidang berikutnya dan seterusnya menyatakan sekali lagi persoalan yang membabitkan kepentingan negara.

Tahun ini, isu penting yang menjadi tumpuan perbahasan ialah isu kegawatan ekonomi. Isu ini memang diramalkan panas sejak awal-awal lagi.

Malah, Dr Mahathir sendiri membuka gelangan supaya perwakilan membincangkan isu ini ketika menyampaikan ucapan dasarnya. Sebagaimana diduga, ramai perwakilan membangkitkan isu berkenaan sama ada ketika membahaskan usul ucapan dasar presiden atau membincangkan usul ekonomi.

Semua ini menunjukkan betapa ahli Umno begitu peka dengan keadaan semasa dan memahami masalah yang perlu dihadapi kerajaan.

Bagi mempercepatkan proses menangani isu ekonomi, Dr Mahathir melantik Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk membantu Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertindak menangani kegawatan ekonomi.

Disebabkan masalah ekonomi ini perlu dihadapi semua pihak, kita ingin juga bertanya peranan yang boleh dimainkan oleh pihak lain. Mereka termasuk pemimpin yang memegang pelbagai jawatan di setiap negeri termasuk ketua perhubungan, ketua bahagian, ketua cawangan Umno.

Selain itu, peranan penting juga seharusnya dimainkan oleh pegawai-pegawai sektor awam dan swasta. Kita berharap semua pihak terbabit memahami hasrat Dr Mahathir dan bertindak menyusun rangka kerja pada peringkat masing-masing.

Bagi Umno, perbincangan daripada perhimpunan agung itu amat penting kerana ia adalah badan pembuat dasar yang tertinggi parti. Apa yang diharapkan segala rumusan yang dibuat dapat diterjemahkan kepada tindakan di peringkat badan perhubungan, bahagian dan cawangan.

Mereka perlu bertindak secara proaktif melaksanakan saranan yang ditimbulkan dalam perhimpunan itu dalam konteks menangani kegawatan ekonomi.

Masalah ekonomi wajar diselesaikan secepat mungkin kerana ia mempunyai kesan besar kepada permasalahan sosial. Jika ketahanan diri tidak kukuh, tidak tetap, selalu berubah dan tidak tahan dengan tekanan, kita sebenarnya mencipta ruang yang mudah dimasuki pelbagai anasir. Dr Mahathir nampaknya amat sedar akan perkara ini.

Dalam hal ini sewaktu berucap di perasmian Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong, malam semalam, beliau berharap rakyat Malaysia tidak akan menyertai pihak asing yang tetap akan mencaci cela lapangan terbang berkenaan. KLIA bukan projek yang membazir, sebaliknya ia dilaksanakan tepat pada masanya.

Seluruh rakyat seharusnya berbangga dengan KLIA yang disifatkannya

sebagai yang tercantik dan termurah di dunia.

Banyak yang boleh dan mampu dilakukan oleh Badan Perhubungan Umno negeri dan setiap bahagian dan cawangan Umno. Persoalan kegawatan dalam bidang ekonomi yang begitu mendapat tumpuan pemimpin atasan seharusnya didokong sama oleh setiap ahli Umno pada semua peringkat.

Selain daripada kegawatan ekonomi, kita pun tidak mahu kegawatan yang sama terjadi atau berjangkit dalam bidang politik kita. Persoalan perpaduan dalam parti adalah satu unsur yang menentukan jatuh bangunnya bangsa kita. Dan ini jelas seperti yang disebut oleh Dr Mahathir sewaktu merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional ke-27 Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Kuala Lumpur, kelmarin.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyatakan keyakinannya bahawa Barisan Nasional (BN) akan terus menjadi benteng untuk mempertahankan negara selagi parti-parti yang menganggotai komponen itu tidak terpengaruh dengan propaganda asing yang mahu menguasai ekonomi dan politik negara ini secara terancang.

Beliau menegaskan, "kita harus berhati-hati sekarang kerana walaupun tidak ada konspirasi tetapi ada usaha untuk menguasai ekonomi kita, dan kemudian politik."

Mengikuti dengan teliti ucapan Presiden Umno, sama ada pada Perhimpunan Agung Umno atau ucapannya selepas itu adalah jelas banyak sekali yang dapat dilakukan oleh ahli Umno di setiap negeri. Umno perlu menjadi sebuah parti politik yang lebih kuat dan kukuh kerana cabaran yang ada semakin besar.

Kelekaan ahli yang dirangsang oleh tindakan yang tidak mempertimbangkan kepentingan parti dan negara akan membuka peluang kepada orang lain untuk memecahkan benteng perpaduan.

Sesungguhnya tanggungjawab mempertahankan keutuhan serta kedaulatan negara dalam sejarah manusia adalah satu tanggungjawab yang suci dan murni.

(END)